

Isnin – 17 Feb 2020

Halaman : 8

Orang Asli akui hasil Tasek Bera berkurangan

Bera: Masyarakat Orang Asli sekitar Tasek Bera di sini, mengakui hasil hutan dan hidupan yang menjadi rezeki mereka di Tapak RAMSAR itu, semakin berkurangan akibat aktiviti pengambilan hasil hutan dan tangkapan ikan secara berlebihan.

Antara khazanah memberi pulangan kepada Orang Asli termasuk ikan kelisa, baung dan tapah, manakala hasil hutan seperti batu kelulut dan madu lebah serta akar kayu seperti kacip fatimah dan tongkat ali.

Di sekitar kawasan itu, ada kira-kira 3,000 penduduk Orang Asli yang mendiami 14 kampung, yang 15 peratus daripadanya bergantung hasil flora dan fauna tanah lembab itu untuk kelangsungan hidup.

Pengerusi Persatuan Bakti Semelai Malaysia, Romani Mohammad, berkata selebihnya tertumpu kepada getah dan kebun sawit, sama ada mengusahakan kebun atau mengambil upah sebagai buruhan.

"Tangkapan ikan jika berban-

ding 20 tahun lalu, kami mendapat sehingga 20 kilogram (kg) dengan pendapatan kira-kira RM700 setiap kali memasang perangkap atau bubu, namun kini hanya sekitar 3kg sahaja.

"Bagi hasil hutan pula, jika dulu pencarian batu kelulut boleh mencapai hingga 40 kilogram (kg) tetapi kini semakin sukar diperoleh.

"Dulu boleh didapati sekitar tepi tasik sahaja tetapi kini perlu pergi hingga 10 kilometer jauh dari hutan, disebabkan aktiviti pembalakan dan penerokaan tanah untuk projek sawit," katanya ketika ditemui di sini.

Beliau berkata, komuniti Orang Asli di sini berharap kerajaan membantu menyediakan peluang lain untuk mereka menambah pendapatan seperti projek pertanian, ternakan ikan atau produk berdasarkan pelancongan.

Penduduk Kampung Bapak, Kamarul Nak, 48, yang menyara kehidupan dengan hasil tangkapan ikan kelisa dan tapah di Tasek Bera, berkata dia boleh menjana



Tasik Bera di Pahang yang kini terjejas akibat aktiviti pengambilan hasil hutan dan tangkapan ikan secara berlebihan.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

pendapatan sehingga RM100 sehari pada musim 'ikan kelisa' sekitar September.

Katanya, namun dari tahun ke tahun, dia mendapat hasil tasik itu semakin berkurangan sebab terlalu ramai orang dari luar

yang turut mencuba nasib mendapatkan ikan itu.

"Ya makin kurang sebab orang ramai...dulu banyak ikan tetapi apabila orang luar ramai datang termasuk dari Kuala Lumpur, Pulau Pinang malah ada dari Singa-

pura, ikan makin kurang," katanya ketika ditemui di rumahnya, di sini.

Hamid Yahim, 61, pula berkata dia kerap memasuki hutan dalam kawasan Tasek Bera untuk mendapatkan hasil bagi kegunaan sendiri dan jualan sejak berusia 12 tahun.

Katanya, jika dulu dia boleh mendapatkan tangkapan haiwan liar seperti kancil dan kijang, namun kini hanya mengharapkan hasil herba berikutnya sukar melihat' haiwan itu lagi akibat pemburuan haram secara berlebihan.

"Sekarang sudah tiada bintang, kami bergantung kepada hasil herba hutan seperti rotan dan akar kayu yang dijual kepada peraih yang datang ke sini," katanya.

Tok Batin Kampung Bapak, Kamaruddin Okin, 50, berkata kebiasaan anak buahnya bergantung kepada hasil flora dan fauna Tapak RAMSAR pada musim tertentu sebagai punca pendapatan sampingan, ketika hasil menoreh getah berkurangan.